



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**TERMA RUJUKAN  
KAJIAN IMPAK PROGRAM PAYUNG RAHMAH  
DI BAWAH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN  
KOS SARA HIDUP (KPDN)**

---

## **1. NAMA KAJIAN**

Nama kajian yang akan dilaksanakan ialah Kajian Impak Program Payung RAHMAH Di Bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

## **2. TUJUAN**

- 2.1. Terma Rujukan ini disediakan bertujuan untuk melantik perunding yang akan menyediakan, melaksanakan dan mengemukakan hasil dapatan Kajian Impak Program Payung RAHMAH di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).
- 2.2. Hasil kajian ini akan membantu Kerajaan melihat keberkesanan inisiatif-inisiatif di bawah Program Payung RAHMAH.
- 2.3. Hasil kajian ini juga akan menjadi sumber rujukan untuk menambahbaik dan membangunkan polisi serta mekanisme atau pendekatan yang baharu bagi memastikan usaha menangani isu kos sara hidup adalah lebih berkesan dan efisien.

## **3. LATAR BELAKANG PROGRAM**

- 3.1. Program Payung RAHMAH telah memberikan impak positif dalam menangani isu kos sara hidup, selaras dengan jenama RAHMAH yang diperkenalkan sejak 11 Januari 2023 yang lalu.
- 3.2. Antara inisiatif utama dalam Program Payung RAHMAH adalah Bakul RAHMAH, Menu RAHMAH, Kafe RAHMAH (kini Menu Siswa RAHMAH), Jualan RAHMAH dan Pakej RAHMAH.

- 3.3. Antara objektif utama pelaksanaan Program Payung RAHMAH adalah untuk membantu kumpulan miskin tegar B10 (pendapatan kurang daripada RM2,500 sebulan) dan golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan bantuan makanan dan barangan keperluan asas dalam mendepani kenaikan kos sara hidup.
- 3.4. Selaras dengan perkembangan semasa, pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Program Payung RAHMAH telah dikembangkan dan memberi manfaat kepada semua pihak.

#### **4. JUSTIFIKASI KAJIAN**

- 4.1. Mesyuarat Pasca Kabinet KPDN Bil. 6/2023 bertarikh 17 Mac 2023 telah bersetuju bahawa satu Kajian Impak Program Payung RAHMAH dilaksanakan bagi melihat keberkesanan dan kemampuan program-program RAHMAH. Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub, mantan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah mengumumkan bahawa Kajian Impak ini akan mula dilaksanakan pada tempoh enam (6) bulan selepas pelaksanaan Inisiatif Payung RAHMAH.
- 4.2. Pelaksanaan kajian ini juga adalah selaras dengan usaha memastikan kelestarian Program Payung RAHMAH pada masa akan datang.

#### **5. OBJEKTIF KAJIAN**

- 5.1. Mengenalpasti tahap penerimaan rakyat terhadap inisiatif-inisiatif di bawah Program Payung RAHMAH;

5.2. Menilai keberkesanan penyampaian inisiatif-inisiatif di bawah Program Payung RAHMAH; dan

5.3. Mengenalpasti kekurangan dan cadangan penambahbaikan inisiatif-inisiatif di bawah Program Payung RAHMAH.

## **6. SKOP PERKHIDMATAN PERUNDING**

6.1. Keperluan perkhidmatan perunding merangkumi khidmat perundingan berdasarkan kepakaran melaksanakan kajian dengan mengguna pakai kaedah kajian yang bersesuaian dan memenuhi kriteria struktur kajian. Pasukan pelaksana kajian hendaklah terdiri daripada syarikat atau firma yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (pendaftaran kod bidang masih sah sehingga tamat tempoh sah laku perjanjian kajian) dengan kod bidang seperti berikut:

(i) 340103 : Kajian Ekonomi;

(ii) 340104 : Kajian Kemasyarakatan Sosio-Ekonomi; atau

(iii) 340105 : Kajian Pemasaran dan Penyelidikan

## **7. SKOP KAJIAN DAN KERJA**

7.1. Merangka, menyedia dan menstruktur kaedah kaji selidik dan pembinaan set soalan bagi tugas di lapangan di seluruh negara;

7.2. Melaksana, mengumpul dan menganalisa dapatan soal selidik berdasarkan tujuan di lapangan di seluruh negara;

7.3. Merancang dan melaksanakan kajian lapangan secara bersemuka dan/atau Perbincangan Kumpulan Bersasar bagi mendapatkan maklumbalas daripada responden;

- 7.4. Mengumpul, menganalisa dan menyediakan cadangan hala tuju dan penambahbaikan berdasarkan dapatan di lapangan;
- 7.5. Menyediakan dan membentangkan laporan awal inepsi, interim dan laporan akhir Kajian Impak dalam bentuk cetakan (*hardcopy*) dan salinan lembut (*softcopy*) kepada Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Penilaian di KPND; dan
- 7.6. Mereka bentuk, mencetak dan membukukan Laporan Akhir yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Induk.

## **8. KOMPONEN KAJIAN**

### **8.1. Program Payung RAHMAH**

#### 8.1.1. Profil penerima manfaat

- (i) Kategori pengguna (isi rumah/industri);
- (ii) Kumpulan pendapatan pengguna;
- (iii) Sektor pekerjaan pengguna / kategori perkhidmatan industri;
- (iv) Jenis manfaat diterima;
- (v) Bandar/ luar bandar;
- (vi) Daerah; dan
- (vii) Negeri.

#### 8.1.2. Profil pemberi manfaat

- (i) Kategori pengguna (isi rumah/industri);
- (ii) Kumpulan pendapatan pengguna;
- (iii) Sektor pekerjaan pengguna / kategori perkhidmatan industri;
- (iv) Jenis manfaat diterima;
- (v) Bandar/ luar bandar;
- (vi) Daerah; dan

(vii) Negeri.

8.1.3. Impak Program Payung RAHMAH kepada perkara berikut:

- (i) Harga barang/perkhidmatan yang terlibat dalam rantaian bekalan;
- (ii) Kos sara hidup;
- (iii) Kos pengurusan entiti perniagaan; dan
- (iv) Perubahan pada Indeks Harga Pengguna (IHP).

8.1.4. Analisis dan cadangan

- (i) Hasil dapatan kajian;
- (ii) Membuat perbandingan dan penandaarasan (*benchmarking*) polisi dan amalan terbaik yang diguna pakai oleh Kementerian dan negara lain dalam menyalurkan program bantuan kepada rakyat, sama ada secara terus ataupun melalui pelbagai peringkat;
- (iii) Mengemukakan analisis, cadangan penambahbaikan dan rumusan Program Payung RAHMAH;
- (iv) Merangka mekanisme baharu penyampaian bantuan yang lebih efisien dan berimpak tinggi sebagai alternatif kepada pelaksanaan program sedia ada;
- (v) Membangunkan pelan tindakan jangka masa sederhana dan panjang bagi setiap inisiatif yang dicadangkan kepada Kerajaan dalam membangunkan kerangka polisi atau perundangan sedia ada atau baharu berkaitan pengurusan dan penyaluran bantuan kepada rakyat;

- (vi) Mencadangkan kaedah penyampaian yang lebih berkesan dalam pelaksanaan Program Payung RAHMAH;
- (vii) Mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan melalui penggunaan sumber yang lebih efektif dan efisien; dan
- (viii) Pelaksanaan program dasar pemisah (*exit policy*) dalam tempoh bersesuaian (sekiranya perlu);

## 9. OUTPUT KAJIAN

Perunding dikehendaki mengemukakan laporan-laporan seperti berikut kepada KPDN:

- 9.1. **Laporan Awal (Insepsi)** yang mengandungi gambaran keseluruhan dan cadangan rangka kerja umum (*framework*) kajian sebelum kajian dilaksanakan termasuk dokumen/ soalan kaji selidik, butir-butir terperinci berkaitan pengenalan, perincian pendekatan dan metodologi kajian, cadangan dokumen soal-selidik kajian dan temuduga, cadangan peserta, dapatan awal, isu dan potensi kajian serta hal-hal lain yang perlu diperjelaskan dalam bentuk **lima (5) naskhah cetakan (*hardcopy*) dan set lengkap salinan lembut (*softcopy*) termasuk slaid pembentangan;**
- 9.2. **Laporan Kemajuan (Interim)** yang disediakan mengikut perkembangan kajian dan mengandungi dapatan yang diperolehi daripada proses pengumpulan data dan penganalisan data dalam bentuk **lima (5) naskhah cetakan (*hardcopy*) dan set lengkap salinan lembut (*softcopy*) termasuk slaid pembentangan;**

- 9.3. **Laporan Akhir** yang mengandungi hasil penuh kajian berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada kaedah dan metodologi yang telah digunakan, analisis keseluruhan dan cadangan bagi semua skop kajian yang telah ditetapkan dalam bentuk **sepuluh (10) naskhah cetakan (*hardcopy*) dan set lengkap salinan lembut (*softcopy*) termasuk slaid pembentangan**; dan
- 9.4. Perunding perlu melaporkan hasil kajian kepada jawatankuasa seperti berikut :
- (i) Jawatankuasa Induk; dan
  - (ii) Apa-apa jawatankuasa atau platform yang ditetapkan oleh KPDN.

## **10. OUTCOME KAJIAN**

- 10.1. Penilaian tahap penerimaan rakyat terhadap inisiatif-inisiatif di bawah Program Payung RAHMAH;
- 10.2. Penilaian tahap keberkesanan penyampaian terhadap inisiatif-inisiatif di bawah Program Payung RAHMAH; dan
- 10.3. Menyediakan laporan berdasarkan dapatan kajian, isu-isu berkaitan, kekurangan, cadangan langkah-langkah penambahbaikan, pemerkasaan dan pengukuhan Program Payung RAHMAH.

## **11. METODOLOGI KAJIAN**

- 11.1. Kajian ini akan dijalankan melalui pengumpulan data primer dan sekunder berasaskan kaedah kuantitatif dan kualitatif daripada sumber-sumber yang dikenalpasti benar dan tepat.



## 12. TEMPOH PERKHIDMATAN PERUNDING

12.1. Penetapan tempoh bagi pelaksanaan Kajian Impak Program Payung RAHMAH ini adalah dicadangkan selama **3 bulan**. Perunding dikehendaki untuk menyediakan jadual pelaksanaan dan dipersetujui oleh KPND sebelum kajian dimulakan.

12.2. Perunding dikehendaki menyatakan penerimaan pelantikan melalui Surat Setuju Terima (SST) dalam masa **EMPAT BELAS (14) hari** daripada tarikh SST dikeluarkan kepada perunding.

## 13. KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

13.1. Kajian Impak Program Payung RAHMAH ini akan menggunakan peruntukan di bawah Program Jualan RAHMAH.

13.2. Peratus bayaran bagi yuran profesional adalah mengikut kemajuan kerja (*work progress*) jadual penyerahan hasil kajian yang akan dipersetujui seperti berikut:

LAPORAN	JUMLAH (%)	JANGKAAN TARIKH SERAHAN
Laporan Awal (Insepsi)	30%	Minggu Kedua Bulan Pertama
Laporan Kemajuan (Interim)	30%	Minggu Kedua Bulan Kedua
Laporan Akhir	40%	Minggu Kedua Bulan Ketiga

#### **14. HAK EKSKLUSIF**

Data-data, bahan-bahan dan hasil kajian yang dikemukakan oleh pihak yang dilantik akan kekal menjadi hak eksklusif KPDN dan hak milik Kerajaan Malaysia **SAHAJA**.

#### **15. PERJANJIAN**

Pihak Kerajaan akan mengemukakan Surat Setuju Terima (SST) kepada perunding berdasarkan cadangan teknikal serta cadangan kos yang dipersetujui. SST adalah dianggap sebagai dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada dokumen perjanjian antara Kerajaan dan syarikat sehingga Dokumen Perjanjian rasmi (kontrak) dimeterai oleh kedua - dua pihak.

#### **16. BAHASA YANG DIGUNAPAKAI**

Semua dokumen dan surat menyurat yang perlu disediakan oleh perunding adalah dalam Bahasa Malaysia.

Disediakan Oleh:

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup  
7 Ogos 2023**